

**REPRESENTASI KEMATIAN SOEHARTO  
DI *KOMPAS* DAN *MEDIA INDONESIA*:  
ANALISIS WACANA KRITIKAL**

Oleh

**VINSENSIUS G.K SITEPU**

**Tesis Diserahkan  
untuk Memenuhi Keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)  
Universiti Sains Malaysia**

**Oktober 2016**

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa karya penyelidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

VINSENSIUS G.K SITEPU

P-KOM0002/09(R)

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan yang setinggi-tinggi saya haturkan kepada Prof. Mohamad Md. Yusoff sebagai penyelia saya. Beliau banyak memberikan bimbingan, masa, dan kesempatan yang besar bagi saya menulis tesis ini. Beliau dengan penuh kesabaran menantikan usainya tesis ini dan sangat banyak membantu dalam segala kerumitan. Daripada Prof. Mad juga saya mendapatkan pengalaman tak ternilai, tentang dedikasi dan integriti sebagai pensyarah, tentang kecintaan terhadap keilmuan, dan tentu saja tentang persahabatan bangsa serumpun.

Kepada para sahabat: Febry Ichwan Butsi, Pak Syafruddin Pohan, Bang Enda, Bang Sofian, Kak Emil yang tidak bosan-bosannya memberikan dorongan semangat agar cepat menyelesaikan penyelidikan ini. Febry dan Pak Pohan juga banyak memberikan bantuan pengetahuan dan rujukan ilmiah bagi penyelidikan ini. Bang Enda yang memberikan tempat berteduh selama 3 tahun terakhir ini. Bang Enda memberikan pelajaran hidup bahawa hidup jauh dari keluarga membuat seorang laki-laki akan lebih dewasa dan tegar. Kak Emil juga berperanan memberikan banyak kesempatan kepada saya untuk berkarya di Universiti Sumatera Utara, menerusi Pusat Pengkajian Komunikasi Massa (P2KM). Secara khusus terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Ibu Fatma Wardy Lubis dan Bapak Amir Purba yang mempersembahkan sokongan dengan memberikan kesempatan mengajar di Departemen Ilmu Komunikasi, Universiti Sumatera Utara. Kesempatan tersebut memberikan sandaran kuat kepada saya agar selalu kritikal ke atas permasalahan media massa.

Sementara itu kepada kedua orangtuaku yang tersayang, Ayahku P. Anthonius Sitepu dan Ibunda Fransiska Sri Mulyani. Penghargaan yang tak terhingga kerana sokonganmu yang besar, pengorbanan, kesabaranmu yang teramat besar, saya anakmu berjaya menyelesaikan misi ini. Kepada Kakaku Maria Estella Karolina Sitepu yang tidak pernah bosan menelepon dari Mempawah sembari meminta cepat menyelesaikan rangkaian teks-teks ini.

Dan tak lupa rasa terima kasih yang tulus saya sampaikan kepada isteri tersayang Andria Mei Firta Tarigan yang tabah merasakan “penderitaan” menunggu sang suami mendapatkan masternya. Andria, terima kasih meluangkan waktu bersamaku selama ini.

# SENARAI KANDUNGAN

Pengakuan	
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	x
Abstrak	xii
Abstract	xiii
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1. Pengenalan	1
1.1.1. Soeharto, Orde Baru, dan Media	8
1.1.2. Komunikasi Peribadi Soeharto dan Pandangannya terhadap Media	17
1.1.3. Kritik Media Terhadap Soeharto: Realiti dan Impak	19
1.1.4. <i>Kompas</i> dan Soeharto	20
1.2. Latar Belakang Penyelidikan	21
1.3. Kenyataan Permasalahan	30
1.4. Persoalan Penyelidikan	33
1.5. Objektif Penyelidikan	34
1.6. Skop Penyelidikan	34
1.7. Signifikan Penyelidikan	36
1.8. Manfaat Penyelidikan	37

<b>BAB II SEJARAH <i>KOMPAS</i> DAN <i>MEDIA INDONESIA</i></b>	<b>39</b>
2.1. Pengenalan	39
2.2. <i>Kompas</i>	41
2.3. <i>Media Indonesia</i>	58
<b>BAB III SOROTAN KAJIAN</b>	<b>66</b>
<b>BAB IV KERANGKA TEORI</b>	<b>76</b>
4.1. Media dan Kewartawanan	76
4.2. Teori Penentuan Agenda ( <i>Agenda Setting</i> )	82
4.3. Media, Wartawan, dan Berita	87
dalam Pandangan Paradigma Kritis	
4.4. Teori Wacana dan Analisis Wacana Kritis	95
4.5. Representasi Teks Media	107
4.6. Media Sebagai Agen Hegemoni	109
4.7. Ekonomi Politik Media	113
4.8. Demokratisasi Menerusi Media Massa	115
<b>BAB V METODOLOGI PENELITIAN</b>	<b>117</b>
5.1. Konseptualisasi Penelitian	118
5.1.1. Teks	118
5.1.1.(a). Tematik	121
5.1.1.(b). Skema	121
5.1.1.(c). Latar	123

5.1.1.(d). Perincian	124
5.1.1.(e). Makna	125
5.1.1.(f). Hubung Kait	126
5.1.1.(g). Hubung Kait Kondisional	126
5.1.1.(h). Hubung Kait Pembeza	127
5.1.1.(i). Peningkaran	127
5.1.1.(j). Bentuk Ayat	128
5.1.1.(k). Kata Ganti	129
5.1.1.(l). Leksikon	129
5.1.1.(m). Prakiraan	130
5.1.1.(n). Grafik	130
5.1.1.(o). Metafora	131
5.1.2. Kognisi Sosial	131
5.1.2.(a). Skema Personal	133
5.1.2.(b). Skema Diri	134
5.1.2.(c). Skema Peran	134
5.1.2.(d). Skema Peristiwa	134
5.1.3. Analisis Sosial	136
5.2. Metod Pengumpulan Data	137
5.3. Metod Analisis	137
<b>BAB VI HASIL KAJIAN</b>	<b>139</b>
6.1. Kompas	141
6.1.1. Analisis Teks (Mikro)	141
<i>Warga Bisa ke Cendana</i>	141

	<i>Soeharto Minta Dimakamkan Sebelum Dzuhur</i>	147
	<i>Kabar Duka Itu Disampaikan Kepala</i>	152
	<i>Polsek Kebayoran Baru</i>	
	<i>Duka di Ndalem Kalitan</i>	156
	<i>Warga Berdoa Bersama</i>	160
	<i>Pemerintah Diminta Bersikap Proporsional</i>	164
	<i>Ribuan Orang Antar Soeharto</i>	170
	<i>Komunitas HAM Nilai Negatif Soeharto</i>	178
	<i>Rakyat Kecil Impikan Pemimpin Bersosok Soeharto</i>	183
6.1.2.	Kognisi Sosial (Meso)	187
6.2.	Media Indonesia	200
6.2.1.	Analisis Teks (Mikro)	201
	<i>Pak Harto Berpulang</i>	201
	<i>Tangis, Doa, dan Maaf di Cendana</i>	205
	<i>Astana Giri Bangun, Tempat Istirahat Pak Harto</i>	211
	<i>Minta Dihadapkan ke Kiblat</i>	214
	<i>Para Dalang Kompak Gelar Tahlil</i>	217
6.2.2.	Kognisi Sosial (Meso)	221
6.3.	Analisis Sosial Kompas dan Media Indonesia	227
6.3.1.	Kelemahan Politik Indonesia di Era Reformasi	231
6.3.2.	Budaya Politik di Era Reformasi	236
6.3.3.	Orientasi Ekonomi dalam Struktur Media Massa Indonesia	240

<b>BAB VII KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN PENYELIDIKAN</b>	<b>246</b>
7.1. Kesimpulan	246
7.2. Implikasi Kajian Ke Atas Teori, Metod, dan Aplikasi	252
7.2.1. Teori	252
7.2.2. Metodologi	253
7.2.3. Aplikasi	254
7.3. Cadangan	255
 <b>RUJUKAN</b>	 <b>260</b>

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Muka Surat</b>
Rajah 4.1. : Alur Membuat Berita dalam Satu Akhbar	81
Rajah 5.1. : Analisis Wacana Kritikal Teun van Dijk	118
Rajah 6.1. : Skema Kognisi Sosial	189

# SENARAI JADUAL

## Muka Surat

Jadual 2.1.: Media-Media daripada Kumpulan Kompas-Gramedia 2011	54
Jadual 2.2.: Syarikat Kumpulan Media Sebelum 2002	63
Jadual 4.1.: Ilmu Sosial Kritikal	92
Jadual 4.2.: Perbandingan Pandangan Pluralis dan Pandangan Kritikal	94
Jadual 5.1.: Analisis Struktur Teks (Mikro) dalam Analisis Wacana Kritikal Teun van Dijk	121
Jadual 5.2.: Metod Analisis	138
Jadual 6.1.: Analisis Wacana Kritikal Model Teun van Dijk	139
Jadual 6.2.: Analisis Berita <i>Warga Bisa ke Cendana</i>	142
Jadual 6.3.: Analisis Berita <i>Soeharto Minta Dimakamkan Sebelum Dzuhur</i>	147
Jadual 6.4.: Analisis Berita <i>Kabar Duka Itu Disampaikan Kepala Polsek Kebayoran Baru</i>	153
Jadual 6.5.: Analisis Berita <i>Duka di Ndalen Kalitan</i>	156
Jadual 6.6.: Analisis Berita <i>Warga Berdoa Bersama</i>	160
Jadual 6.7.: Analisis Berita <i>Pemerintah Bersikap Proporsional</i>	164
Jadual 6.8.: Analisis Berita <i>Ribuan Orang Antar Soeharto</i>	171
Jadual 6.9.: Analisis Berita <i>Komunitas HAM Nilai Negatif Soeharto</i>	179
Jadual 6.10.: Analisis Berita <i>Rakyat Kecil Impikan Pemimpin Bersosok Soeharto</i>	184
Jadual 6.11.: Analisis Berita <i>Pak Harto Berpulang</i>	201
Jadual 6.12.: Analisis Berita <i>Tangis, Doa, dan Maaf di Cendana</i>	206

Jadual 6.13.: Analisis Berita <i>Astana Giri Bangun, Tempat Istirahat Pak Harto</i>	211
Jadual 6.14.: Analisis Berita <i>Minta Dihadapkan ke Kiblat</i>	214
Jadual 6.15.: Analisis Berita <i>Para Dalang Kompak Gelar Tahlil</i>	217

# REPRESENTASI KEMATIAN SOEHARTO

## DI *KOMPAS* DAN *MEDIA INDONESIA*:

### ANALISIS WACANA KRITIKAL

#### ABSTRAK

Penyelidikan ini menunjukkan, bahawa *Kompas* dan *Media Indonesia* merepresentasikan kematian Soeharto secara positif, tetapi dengan cara yang berbeza. Pengerusi kedua-dua media mengakui bahawa Soeharto adalah seorang bekas presiden yang berjasa yang sangat besar kepada Indonesia. *Kompas* berani merepresentasikan Soeharto sebagai seorang yang diktator, tetapi dengan mewawancarai berbagai tokoh-tokoh pembangkang. *Media Indonesia*, akhbar yang dipunyai oleh tokoh politik Surya Paloh, sama sekali tidak mendedahkan berita ataupun pendapat apakah Soeharto itu bersifat otoriter. Berasaskan kepada Analisis Wacana Kritikal, penelitian ini juga menunjukkan bahawa, pengalaman dan ingatan (*memory*), ideologi (agama) yang dipegang oleh wartawan *Kompas* dan *Media Indonesia* adalah penyebab ada berita positif tentang kematian Soeharto. *Kompas* mengakui bahawa tidak beretika untuk berlebihan mengkritik Soeharto dalam berita. Kononnya, kedua-dua wartawan media tidak menafikan fakta, bahawa syarikat media mereka berkembang pesat dalam Orde Baru (*New Order*), ketika Soeharto berkuasa. Oleh itu, ia tak menghairankan, melalui beberapa jenis utama berita, *Kompas* dan *Media Indonesia* merepresentasikan kematian Soeharto secara positif.

**Kata kunci:** *Analisis wacana kritikal, representasi, konstruksi media, kematian Soeharto*

# THE REPRESENTATION OF SOEHARTO'S DEATH IN *KOMPAS* AND *MEDIA INDONESIA*: A CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS

## ABSTRACT

This research shows, that *Kompas* and *Media Indonesia* represent Soeharto's death positively, but in many different ways. Reporters dan editors both of media admitted that Soeharto was a former president who has contributed great services to Indonesia. *Kompas*, as the largest newspaper in Indonesia still dare represent Soeharto as a dictator, by interviewing various opposition figures. *Media Indonesia*, owned by a political leaders Surya Paloh, did not disclose any news or opinions, whether Soeharto was authoritarian. Based on Critical Discourse Analysis, this research also show that experience, memory and ideology held by journalists of *Kompas* and *Media Indonesia* are causing some positive news about the death of Soeharto. *Kompas* recognizes that it is unethical to criticize Soeharto in the news. Allegedly, the journalists of *Kompas* and *Media Indonesia* did not deny the fact that their media companies grow rapidly in the New Order, when Soeharto came to power. Therefore, it is not surprising that through some sort of major news, *Kompas* and *Media Indonesia* did represented Soeharto's death positively.

**Keywords:** Critical Discourse Analysis, representation, media construction, Soeharto's death

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Reformasi merupakan masa perubahan yang penting dalam negara Republik Indonesia. Selepas peristiwa yang berlaku pada 20 Mei 1998 itu, ramai pihak yang menggugat pemerintah, bekas Presiden Republik Indonesia, Soeharto agar dibawa ke mahkamah untuk dijatuhkan hukuman. Soeharto diduga telah menggunakan wang negara untuk menubuhkan tujuh yayasan dan membantu kepentingan perniagaan rakan-rakan serta anak-anaknya, selama beliau menjawat sebagai presiden. Tujuh yayasan berkenaan, iaitu Yayasan Dana Sejahtera Mandiri, Yayasan Supersemar, Yayasan Dharma Bhakti Sosial (Dharmais), Yayasan Dana Abadi Karya Bhakti (Dakab), Yayasan Amal Bhakti Muslim Pancasila, Yayasan Dana Gotong Royong Kemanusiaan, dan Yayasan Trikora. Soeharto disyaki melakukan rasuah, menggunakan wang negara dalam penubuhan dan kegiatan tujuh yayasan itu.

Penyiasatan kes ini dilakukan oleh Mahkamah Tinggi (di Indonesia disebut Mahkamah Agung) menghasilkan satu pakej dokumen dengan jumlah muka surat lebih dari dua ribu yang berisikan kenyataan dari 134 orang saksi fakta dan 9 orang saksi ahli. Selain itu, ditemukan juga dokumen asli yang merupakan hasil kerja dua pasukan khas yang pernah dibentuk Kejaksaan Agung sejak tahun 1999 untuk membantu menyiasat kes ini.

Wang kerajaan sebanyak Rp 400 bilion masuk ke Yayasan Dana Mandiri antara tahun 1996 dan 1998. Wang berkenaan berasal dari dana penanaman pokok hutan dari Departemen Kehutanan dan dan bantuan presiden. Dalam fail kes Soeharto juga terungkap, bahawa Haryono Suyono, yang ketika itu menjawat sebagai Menteri Negara Kependudukan dan Kepala Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional, mengalihkan wang berkenaan kepada yayasan. Ketika itu, dia masih menjadi Naib Ketua Dana Mandiri. Bambang Trihatmodjo, anak lelaki Soeharto yang menjadi bendahari yayasan berkenaan, bersama Haryono, memasukkan Rp 400 milyar menerusi akun bank miliknya, di Bank Alfa dan Bank Andromeda pada 1996-1997.

Dari data dalam fail berkenaan, didapati bahawa Bob Hasan ialah yang paling besar dalam merugikan kewangan negara, yang dijangka mencapai Rp 3,3 trilion. Hal ini juga terungkap dari pengakuan Ali Affandi, Setiausaha Yayasan Supersemar, ketika diperiksa sebagai saksi kes bekas Presiden Soeharto. Dia mengatakan, Yayasan Supersemar, Dakab, dan Dharmais mempunyai saham di 27 syarikat Kumpulan Nusamba milik Bob Hasan. Sebahagian saham itu adalah di bawah kepemilikan Bob Hasan peribadi, bukan yayasan.

Hutomo Mandala Putra, putra bongsu Soeharto bersama Tinton Suprpto pernah memanfaatkan Yayasan Supersemar untuk mendapatkan tanah seluas 144 hektar di Citeureup, Bogor, untuk membina Sirkuit Sentul. Sebelumnya, Tommy dan Tinton juga berusaha menguasai tanah berkenaan, menerusi Pemerintah Provinsi Jawa Barat. Tetapi hal berkenaan tidak berjaya diteruskan.

Soeharto juga dituduh melanggar Hak Asasi Manusia, sebab ketika itu ada pihak-pihak yang tidak bersetuju (golongan pembangkang) yang dijatuhi hukuman kurungan, termasuklah mereka yang menyokong bekas Presiden Soekarno. Ramai pihak menyatakan bahawa Soeharto ialah seorang diktator yang memerintah Indonesia dengan keras, walaupun Soeharto juga banyak membawa kemakmuran bagi negara dan banyak memberikan pemikirannya untuk dunia internasional, contohnya melalui ditubuhkannya ASEAN bersama negara Asia Tenggara lainnya.

Pada 3 Disember 1998 bekas Timbalan Presiden Republik Indonesia, Baharuddin Jusuf Habibie (biasa dipanggil BJ Habibie), yang juga pernah menjadi presiden selepas Soeharto berkuasa, memerintahkan Hakim Tinggi Kejaksaan Agung Republik Indonesia, AM Ghalib, untuk menyiasat kes jenayah Soeharto. Padahal Habibie adalah orang yang dipercayai Soeharto pada masa Orde Baru. Soeharto kemudian disiasat, utamanya mengenai wang yayasan yang dimilikinya, program kereta nasional, dan kekayaan Soeharto di luar negara. Majalah *Time* wilayah Asia, edisi 24 Mei 1999 menulis, bahawa Soeharto disyaki mempunyai kekayaan di luar negeri yang mencapai 15 bilion US dolar yang diasaskan dengan beberapa bukti.

Pada 11 Oktober 1999, Kejaksaan Agung mengeluarkan Surat Penghentian Penyiasatan (SP3) kerana tidak ada ditemui bukti-bukti yang cukup untuk membawa Soeharto ke mahkamah. Kemudian, pada 6 Disember 1999 SP3 berkenaan ditarik oleh Jaksa Agung (Peguam Negara) Marzuki Darusman, sebab

ada beberapa bukti baru yang ditemukan. Maka, pada 3 Ogos 2000, Soeharto rasmi menjadi terdakwa kes rasuah terkait dengan yayasan-yayasan yang dipimpinnya.

Pada masa-masa selepas itu, Soeharto sering dilaporkan sakit kuat, sehingga tidak dapat memenuhi panggilan mahkamah. Presiden Republik Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono (SBY), pada 10 Mei 2006 menyatakan pemerintah tidak akan melanjutkan perkara Soeharto ke mahkamah, kerana kesihatan Soeharto yang teruk. Bahkan SBY meminta rakyat Indonesia agar memaafkan Soeharto.

Kejaksaan Agung Republik Indonesia kemudian mengeluarkan Surat Ketetapan Penamatan Pendakwaan Perkara (SKP3). Namun, rakyat menuntut surat berkenaan dengan menggelar sidang tuntutan di Mahkamah Negeri Jakarta Selatan pada 5 Jun 2006. Tujuh hari selepas itu, Hakim Andi Samsan Nganro menyatakan bahawa Surat Ketetapan Penamatan Pendakwaan Perkara (SKP3) tidak sah.

Keputusan itu membuat Kejaksaan Tinggi merayu kepada Mahkamah Provinsi DKI Jakarta. Dan kemudian pada 8 Ogos 2006 Majlis Hakim menyatakan bahawa SKP3 sah mengikut undang-undang. Hal ini secara automatik membatalkan keputusan Hakim Mahkamah Negeri Jakarta Selatan, Andi Samsan Nganro. Meskipun begitu, SKP3 bukan bererti berlaku penghapusan pendakwaan

ataupun pengampunan terhadap bekas Presiden Soeharto. Atau dengan kata lain kes dapat dibuka semula.

Sehingga Soeharto meninggal, ia tidak pernah dibicara di mahkamah berkenaan kes itu. Ramai pemerhati berpendapat, termasuklah bekas Jaksa Agung Republik Indonesia 2004-2007, di *Kompas* (2008), rakyat dapat mencadangkan proses *hukum perdata* (undang-undang sivil) yang tidak memerlukan terdakwa hadir di dalam mahkamah. Maka, walaupun Soeharto telah meninggal, tuntutan dapat terus dilakukan atau boleh dialihkan kepada ahli warisnya, iaitu anak-anaknya.

Sebelum Soeharto meninggal dunia, ternyata Soeharto ialah tetap sebagai peribadi yang sangat berpengaruh bagi Indonesia, sama ada positif mahupun negatif. Rakyat Indonesia sangat peduli terhadap kes ini. Reaksi masyarakat pun bermacam-macam, ada yang sedih, mula memaafkan kesilapan beliau, dan tentu sekali ada terus menuntut supaya Soeharto tetap dibawa ke mahkamah, apapun alasannya.

Media cetak mahupun elektronik mengambil berat terhadap kes ini. Berita yang berhubungan dengan beliau selalu menarik perhatian khalayak dan menjadi perbincangan dalam kehidupan seharian masyarakat. Para ahli pun ramai menulis dan bercakap di media. Ada yang membela Soeharto dan meminta supaya beliau dimaafkan, termasuk anak-anak Soeharto, tetapi tidak sedikit pula memandangkan Soeharto seharusnya diadili dan diminta pertanggungjawabannya.

Mereka yang tidak bersetuju dengan wacana pemaafan Soeharto berhujah, bahawa memaafkan adalah dalam konteks interpersonal, bukan dalam konteks am seperti yang pernah diungkapkan oleh Susilo Bambang Yudhoyono sebagai Presiden Republik Indonesia. Ketika itu, memaafkan bermaksud melupakan kesalahan Soeharto dan tidak perlu mengadilinya. Jadi, ada wacana untuk memaklumkan dan membuat rakyat Indonesia menjadi “amnesia”. Menurut Budiarto Danujaya, pensyarah Ilmu Falsafah Politik Universitas Indonesia dalam satu artikelnya “Politik Maklum”, *Kompas*, 28 Januari 2008, menyatakan bahawa pemakluman akan berakhir kepada pengampunan dan atau pelupaan sejarah, menerusi kata “maaf”.

*Kompas* misalnya, sebagai sebuah akhbar terbesar di Indonesia, sangat banyak melaporkan berita ketika Soeharto meninggal dunia pada 27 Januari 2008. Jumlah berita yang berhubungan dengan peristiwa itu lebih dari 50 berita. Gaya pelaporan akhbar *Kompas* tampak berimbang dengan melaporkan berita sesiapa yang menyokong Soeharto dimaafkan dan yang tidak suka dengan sifat otoriternya. Selain itu, pandangan masyarakat am juga didedahkan oleh *Kompas*, seperti berita tentang ribuan orang yang berdoa untuk Soeharto dan berziarah ke rumah Soeharto di Jalan Cendana, Jakarta dan tempat lainnya.

Kemudian yang juga dianggap penting adalah, *Kompas* memberitakan mengenai sokongan moral dan doa daripada negara jiran untuk Soeharto. *Kompas* juga tidak menafikan pandangan daripada orang-orang yang berseberangan

pandang dengan Soeharto, seperti bekas aktivis mahasiswa, Budiman Soedjatmiko, Hariman Siregar, Fadjoel Rahman, dan Yeni Rosa Damayanti. *Kompas* juga merasa perlu memaparkan dengan jelas dan terperinci tentang riwayat hidup, jasa, dan kerjaya Soeharto, baik melalui tulisan berita mahupun gambar.

Menerusi akhbar *Kompas*, rakyat Indonesia direpresentasikan sebagai masyarakat yang secara aktif berpendapat mengenai Soeharto. Bagi para aktivis gerakan demokrasi yang menjadi mangsa polis pada masa Orde Baru, Soeharto dianggap sebagai tokoh diktator. Seperti yang dikatakan oleh Hariman Siregar, Soeharto yakin bahawa pembangunan dapat dicapai dengan kekerasan dan mengabaikan rakyat. Namun, bagi sejumlah orang di era kepemimpinannya, Soeharto adalah orang yang baik, sebagai seorang wira yang berjasa besar bagi Indonesia.

*Kompas* memberikan peluang kepada mereka, baik masyarakat am mahupun pakar hukum yang berbeza pandangan dengan wacana pemaafan Soeharto menerusi pelbagai artikel dalam kolum pendapat.

Selepas gerakan Reformasi 1998, kebebasan media mula diperkatakan dan dijalankan di Indonesia. Rakyat Indonesia meminta kebebasan media (*freedom of the press*) sebagai syarat kehidupan demokrasi yang sesungguhnya. Undang-undang No. 40 Tahun 1999 menjadi jaminan hukum terhadap kebebasan media di Indonesia sehingga hari ini. Banyak media di Indonesia kini berlakon

mewakili rakyat sebagai *watch dog* terhadap penguasa. Lakonan itu tidak didapati pada masa rezim Soeharto (setidaknya selepas tahun 1974). Kini media di Indonesia, sama ada akhbar, radio, atau televisyen menganggap bahawa kebebasan media yang sebenarnya adalah untuk mengkritik berbagai pihak yang dianggap tidak berpihak kepada rakyat. Setakat ini, media di Indonesia berada di dalam suasana demokratik, seperti yang telah dijelaskan dalam perlembagaan negara, iaitu Undang-undang Dasar 1945 (UUD 1945).

Pada tahun-tahun awal kekuasaan Soeharto (1966) kebebasan media sangatlah luas, sebab beberapa media yang pernah dilarang terbit oleh Soekarno pada Orde Lama kembali dicetak, termasuk akhbar-akhbar baru. Satu studi oleh Judith B. Agassi (1969) mengira setidaknya ada 132 akhbar harian dan 114 mingguan yang terbit pada tahun 1966.

Soeharto yang otoriter dan tidak demokratik dianggap sifat yang patut dihilangkan para era Reformasi. Rakyat Indonesia menganggap demokrasi dalam kehidupan media seperti sekarang tidak akan lagi mewujudkan penguasa yang sama seperti Soeharto yang dikatakan antikritik. Media yang bebas dianggap boleh menghalang perilaku rasuah penguasa yang selanjutnya boleh membawa para pelaku rasuah ke mahkamah.

### **1.1.1. Soeharto, Orde Baru, dan Media**

Salah satu ciri kerajaan Orde Baru adalah kawalan terhadap bahasa yang sangat ketat. Penggunaan bahasa Indonesia yang baik dan benar di semua bidang

kehidupan bangsa dinilai sebagai bentuk nasionalisme Indonesia. Oleh itu, Soeharto merasa perlu mendirikan Dewan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (P3B) sebagai lembaga negara yang mengatur pembakuan Bahasa Indonesia. Impaknya terlihat pada penggunaan bahasa oleh kaki tangan kerajaan, termasuk juga media. Namun, para pemerhati sosial menilai P3B sebagai bentuk totalitarianisme. Menurut Ariel Heryanto Yudi Latif dan Subandi Ibrahim (1996: 252), P3B menunjukkan adanya kecenderungan untuk menghakimi bahasa yang dipakai oleh masyarakat dianggap tidak baik dan salah. Justeru, boleh dikatakan bahawa Soeharto amat mengambil berat tentang bahasa sebagai alat kekuasaan negara untuk mengawal rakyat, terutamanya media. Walaubagaimanapun, hal berkenaan bukan bererti berlaku hubungan automatik antara kawalan bahasa dan totalitarianisme/mekanikal langsung, mutlak atau seragam. Totalitarianisme bukan satu-satunya rejim yang mewujudkan kawalan bahasa, tetapi kawalan bahasa jelas mendapat tempat dalam totalitarianisme. Namun, Indonesia tidak serta merta dikatakan sebagai negara yang mempunyai sistem kerajaan yang bersifat totalitarian, tetapi cenderung ke arah itu, sebagaimana yang disebutkan Arif Budiman, iaitu Indonesia mempunyai karakter pemerintahan yang otoriter.

Dalam tempoh menuju Reformasi tahun 1998, banyak media yang sering mengkritik pemerintahan Soeharto yang dikatakan penuh rasuah sehingga menyebabkan tingkat ekonomi yang tidak sama rata dalam masyarakat Indonesia manakala hutang negara semakin meningkat jumlahnya. Dengan keadaan sedemikian, Soeharto dianggap menggunakan kuasanya untuk memperkaya dirinya sendiri, anak-anaknya, rakan-rakan politiknya, dan saudara-saudaranya.

Rakyat pun semakin terseksa dalam kondisi ekonomi yang teruk. Semasa krisis kewangan melanda Asia, Indonesia semakin teruk, bahkan terancam menjadi negara gagal. Bantuan ekonomi daripada International Monetary Fund (IMF) kepada Indonesia tidak pula mendapat simpati daripada rakyat. Rakyat juga tidak mahukan Soeharto untuk turun daripada jawatannya sebagai Ketua Negara dan Presiden Republik Indonesia. Revolusi rakyat Indonesia pada tahun 1998 memaksa negara yang mempunyai warga penganut Islam terbesar di dunia ini memasuki era pasca-Orde Baru, iaitu Reformasi.

Pada masa Orde Baru, media-media di Indonesia lazimnya memberitakan Soeharto dengan imej yang positif. Media-media di Indonesia juga kerap menyatakan Soeharto sebagai Bapak Pembangunan yang berjaya membawa Indonesia sebagai salah satu Macan Asia (*Asian Tiger*) menerusi berbagai projek industri. Soeharto juga digambarkan sebagai wira ketika masa penjajahan Belanda.

Soeharto senantiasa dicitrakan sebagai pemimpin baik dan berjasa besar kepada bangsa dan negara. Impak polisi Soeharto yang otoriter dan represif didapati sedikit diberitakan oleh media dengan pandangan kritikal. Contohnya tentang pendedahan kes pelanggaran Hak Asasi Manusia (HAM) dan pembatalan permit syarikat media yang dianggap sebagai pengingkaran terhadap semangat demokrasi. Pada masa Orde Baru, pandangan kritikal terhadap penguasa sangat terbatas. Media-media dilarang mempunyai perbezaan pendapat dengan kerajaan kerana boleh menjejaskan kestabilan Indonesia yang sedang membangun

ekonomi. Itulah sebabnya Soeharto termasuk dalam 10 ketua kerajaan yang menjadi musuh besar mereka yang cuba mewujudkan kebebasan media di dunia. Pengesahan Soeharto sebagai musuh kebebasan media dilakukan oleh Committee to Protect Journalist (CPJ) ketika memperingati Hari Kebebasan Media Sedunia pada 3 Mei 1996. Hal berkenaan berhubungkait dengan pembatalan permit *Tempo*, *Editor*, dan *Detik* pada 21 Jun 1994.

Orde Baru yang disebut mendukung perlembagaan Undang-Undang Dasar (UUD) 1945 dan Pancasila dianggap menerapkan konsep 'demokrasi tak nyata'. Konsep ini memandang bahawa ekspresi kritikal individu, kumpulan dan lembaga media dihadkan kerana alasan kestabilan ekonomi yang bertentangan dengan semangat kebebasan bersuara yang telah ditetapkan dalam undang-undang negara.

Stail dasar kerajaan Soeharto yang otoriter di satu sisi boleh memberikan rasa selesa dan selamat di dalam negeri, tetapi di sisi lainnya boleh menjejaskan minda kritikal bangsa yang menyebut dirinya demokratik. Hal ini juga bertentangan dengan pandangan untuk pelaksanaan Pancasila dan perlembagaan kerajaan UUD 1945 secara utuh dan berterusan.

Dalam seksyen 33 Undang-undang Dasar (UUD/perlembagaan) Republik Indonesia 1945 telah ditetapkan tentang kebebasan berkumpul dan memberi pendapat. Meskipun tidak secara jelas menetapkan kebebasan media,

namun istilah yang termaktub dalam seksyen 33 ini menyatakan pentingnya kebebasan media sebagai saluran suara rakyat dalam konteks negara demokrasi.

Pada masa Orde Baru, Soeharto menegaskan bahawa media sewajarnya menjadi penyokong pembangunan dan pemerintahan. Bahkan ternyata, media menjadi salah satu alat kawalan dan kuasa pemerintah dan takut mengkritik Soeharto. Ketika masa pemerintahan Soekarno (Orde Lama), media juga digunakan sebagai saluran politik untuk menyokong imej Soekarno sebagai Panglima Besar Revolusi. Nilai-nilai nasionalisme dan patriotisme terkandung dalam kandungan media.

Kehidupan media selama Soeharto berkuasa diatur secara ketat menerusi banyak peraturan yang dinilai tidak masuk akal. Contohnya adalah kewajiban mempunyai Surat Izin Usaha Penerbitan dan Percetakan (SIUPP) dan Surat Izin Cetak (SIC), daripada Jabatan Penerangan RI dan Komando Kesela dan Ketertiban (Komkaptib) yang dikawal oleh tentera (dulu disebut Angkatan Bersenjata Republik Indonesia/ABRI, sekarang disebut Tentera Nasional Indonesia/ TNI). Untuk mendapatkan lesen ini juga tidak mudah kerana Soeharto mempunyai hak mengawal kandungan media agar tidak menyinggung penguasa dan mengeluarkan kritik berlebihan.

Ramai sarjana menyatakan bahawa kawalan seperti itu bukanlah atas nama kepentingan sosial perlembagaan, tetapi untuk mempertahankan kuasa Soeharto. Dengan menyekat arus informasi yang berpandangan kritikal daripada

lawan politik Soeharto, maka Soeharto dapat dengan mudah mengekalkan kekuasaannya. Pada masa pemerintahan Soeharto, hampir tidak mungkin melakukan kritikan tajam baik mengenai pemerintahannya mahupun peribadi Soeharto, orang-orang terdekatnya, seperti para menteri, teman-teman, saudara, dan anak-anaknya.

Ketika itu, media diletakkan sebagai saluran penyokong pembangunan nasional. Media tidak boleh melakukan kritik berlebihan terhadap Soeharto yang dianggap dapat memunculkan kestabilan nasional dan boleh menjadi punca kepada terhambatnya pembangunan ekonomi. Pandangan Soeharto itu ditulis oleh Tjipta Lesmana dalam buku *Dari Soekarno sampai SBY, Intrik, dan Lobi Politik Para Penguasa* (2008). Lesmana mengutip daripada akhbar *Sinar Harapan*, akhbar Kristian Protestan (1979):

Soeharto mengingatkan barisan media nasional bahawa kritik hendaknya berdasarkan realiti dan disampaikan dengan penuh rasa tanggung jawab, “Tidak perlu dengan cara-cara yang berlebihan, berita provokatif ataupun berita-berita sensasional yang semuanya itu jelas tidak terkendalikan.”

Orde Baru mempunyai kekuatan dalam hal “*ideologi developmentalisme*” yang boleh difahami sebagai ideologi yang bercorak teknokratik, iaitu menekankan nilai-nilai kecekapan, harmoni, dan ketertiban, yang mana sistem ekonomi dan politik sentiasa terkawal. Ketika Orde ini berkembang dan mencapai puncaknya, semua bahagian rakyat berjaya disejahterakan. Kehidupan politik nasional ditarik ke dalam wadah pembangunan ekonomi yang mengedepankan keselamatan dan ketertiban. Orde itu ternyata semakin menguatkan posisi negara yang secara ideo-politik menguasai wacana

pemikiran sosial politik di mata rakyat (Subandy dan Latif [editor], 1996: 27). Hal itu pula yang memaksa Soeharto mengendalikan kehidupan media nasional agar bersikap tertib, dengan tidak memberikan kritikan berlebihan terhadap kekuasaan Soeharto. Bagi Soeharto, kritikan media yang berlebihan dan tidak bersesuaian dengan realiti akan menjejaskan pembangunan negara.

Walaupun bagaimanapun, Soeharto juga membolehkan pandangan yang kritikal selama tidak mengganggu keamanan negara. Menurut Soeharto, terdapat empat kritikan yang boleh diambil kira (seperti yang dikutip Lesmana daripada *Kompas*, 13 Januari 1989). *Pertama*, kritik yang disampaikan haruslah berkualiti. *Kedua*, tidak merosak persatuan dan kesatuan bangsa. *Ketiga*, tidak mengganggu kepentingan masyarakat ramai. *Keempat*, tidak bertentangan dengan falsafah Pancasila. Selain itu, maklumat yang disajikan media haruslah benar sekali gus menyokong pelaksanaan pembangunan.

Lesmana mengkritik kalimat terakhir mengenai sokongan media kepada pembangunan. Lesmana mempersoalkan bukankah kritik hakikatnya adalah pernyataan pendapat yang berbeza? Kata Lesmana lagi, apabila ada mana-mana pihak atau media menyatakan ketidaksetujuannya terhadap satu polisi kerajaan, bahawa telah terjadi kegagalan dalam salah satu program pembangunan, atau terjadi penyimpangan serius pada program pembangunan dan adakah kritik seperti itu dapat disenaraikan tidak menyokong pelaksanaan pembangunan? (Lesmana, 2008: 71-72).

Lesmana yang juga bekas wartawan ini menuliskan bahawa kritik pada era kekuasaan Soeharto memang rumit. Alhasil, yang memaklumi pasti terhadap pada kritik yang baik adalah pemerintah perlembagaan, khasnya Presiden Soeharto dan Harmoko sebagai juru bicara rasmi Orde Baru (Lesmana, 2008: 72).

Daniel Dhakidae dalam Yudi Latif dan Subandi Ibrahim (1996: 246-247), mengatakan di era Orde Baru birokrasi Indonesia tampil sebagai sumber maklumat yang utama. Dhakidae menulis, berdasarkan kaji selidik terakhir yang dilakukan oleh Lembaga Penelitian, Pendidikan, dan Penerbitan Yogyakarta (LP3Y), menunjukkan bahawa 46 peratus maklumat yang disiarkan dalam akhbar Indonesia berasal dari sumber-sumber kerajaan, 39 peratus dari rakyat, komuniti politik, bisnis, dan selainnya 15 peratus dari pelbagai sumber. Hal ini menunjukkan bahawa dapat dipastikan bahasa dari sumber berkenaan akan sangat menentukan gaya bahasa para pengguna dan juga para wartawan dan insitisi media tempat mereka bekerja.

Menurut Dhakidae lagi, birokrasi pemerintah mendominasi media Indonesia bahawa kerana institusi ini adalah sumber utama sebahagian besar informasi. *Pertama*, jenis bahasa yang digunakan dapat dipendekkan menjadi bahasa istilah pembangunan. Dan ini boleh menjangkau sehinggalah masyarakat pada peringkat terendah, misalnya mereka yang tinggal di kawasan kampung. Para ketua kampung menggunakan “rumah itu akan “*direhab*” bukan “rumah itu akan dibaiki”, yang mengingatkan kita akan tahap-tahap pemulihan (*rehabilitation*) dalam pembangunan.

*Kedua*, bahasa berkenaan mengandungi ideologi. Ideologi dalam erti yang sangat luas. *Ketiga*, gaya bahasanya memaparkan latar belakang etnik dan budaya dari para pengguna, kerana majoriti dari para pengguna adalah etnis Jawa dan Sunda, sehinggalah bahasa yang digunakan oleh media didominasi oleh dua kumpulan etnis itu.

Menurut Dhakidae (1996: 249) Kerajaan dan Dewan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (P3B) membawa pengaruh yang sangat besar terhadap bahasa yang digunakan media. Kedua-dua lembaga ini menggunakan kuasanya untuk menekan media demi mencapai tujuan tertentu atau menarik kepada tujuan yang lain, dalam satu pilihan yang sukar. *Pertama*, situasi gaya bahasa yang diciptakan birokrasi kerajaan yang ditandai dengan formaliti, kegersangan, dan perilaku yang tidak imaginatif. *Kedua*, media secara serius mengembangkan suatu *bureaucratic slang*, dan masalah daripada itu adalah seluruh tatanan ideologi yang mengikut di belakangnya. Dalam hal ini, mengembangkan gaya bahasa berkenaan dianggap sebagai usaha untuk menempatkan bahasa ke peringkat tamadun yang lebih tinggi. *Ketiga*, seluruh tatanan ideologi terhadap bahasa dianggap eksklusif dan elit secara intelektual, sehingga dianggap sebagai sesuatu yang bernilai tinggi. *Keempat*, terdapat penyusutan fikiran. Pemikiran yang kritikal direduksi sampai kepada peringkat terendah. Contoh paling baik dalam kes ini adalah akronim *pemilu*, *pemilihan umum* (pilihan raya). Akronim *pemilu* telah diterima sebagai sebuah kata tersendiri, dan telah diterima sebagai sinonim untuk kata pemilihan,

maka tindakan untuk membantah proses pemilihan umum tidak akan diambil berat.

Dalam pemikiran pihak yang menyokong P3B, lembaga ini bukan bermaksud memaksa, tetapi hanya menawarkan “bahasa yang baik dan benar”, kerana perkembangan bahasa secara amnya akan sangat luas. Selain itu, cara berpikir akan rumit jika tidak dibina dan diarahkan. Daripada perspektif ilmu pengetahuan juga dikatakan bahawa bahasa yang baku adalah mutlak sehingga boleh menjadi rujukan dalam berbahasa.

#### **1.1.2. Komunikasi Peribadi Soeharto dan Pandangannya Terhadap Media**

Corak komunikasi peribadi Soeharto boleh menjelaskan bagaimana ia memandang media di Indonesia dan bagaimana reaksi media terhadap Soeharto. Lesmana (2008), menerusi bukunya menjelaskan bahawa Soeharto adalah pemimpin yang berkomunikasi secara tertutup mengenai perkara-perkara sensitif seperti pemerintahan dan politik yang erat kaitannya dengan pembangunan nasional. Lesmana juga menjelaskan corak komunikasi Soeharto ialah selalu menggunakan bahasa dalam konteks tinggi (*high context*). Konsep ini mengutip daripada Edward T. Hall, dalam Eriyanto (2001), bahawa bahasa konteks tinggi susah dipahami maknanya, tanpa memahami konteks yang ada di sekitar bahasa berkenaan, khasnya mengenai konteks budaya. Soeharto digambarkan oleh penulis lebih banyak berkomunikasi tidak secara terus. Soeharto lebih banyak menggunakan bahasa-bahasa isyarat yang maknanya multitafsir (*multi-intrepretatif*).

Pada suatu masa, corak komunikasi ini dipengaruhi oleh suasana hati Soeharto, siapa yang bercakap dan dengan cara apa sesuatu itu disampaikan. Makna yang tepat atas corak bahasa Soeharto kadang-kadang hanya boleh diterjemahkan oleh orang-orang terdekat Soeharto yang sudah lama mengenali personalitinya. Pada kesempatan lain pula Soeharto bersikap dan bertutur ayat bernada tegas, seperti ketika perintah Soeharto membatalkan permit 11 buah akhbar Indonesia. Kepada Menteri Penerangan, kata Lesmana, Soeharto hanya mengatakan, "Tutup!". Meskipun ini tidak jelas untuk sementara atau berterusan.

Pandangan Soeharto terhadap media pernah didedehkannya secara terbuka dalam kes pembelian 36 kapal perang bekas Jerman Timur. Soeharto oleh Lesmana dikatakan mengecam Ketua Penyunting *Tempo* pada tahun 1994. Mengutip berita daripada akhbar *Kompas*, 1 Jun 1994, Lesmana mengambil berat kepada kata-kata Soeharto yang menggambarkan betapa marahnya Soeharto kepada media:

"Harus kita betulkan mereka. Kalau mereka tidak boleh kita peringatkan, harus kita ambil tindakan kerana akan mengancam, mengganggu pembangunan." (Lesmana: 74)

Dalam berita *Kompas* pada Januari 2008, seperti yang dirangkum dalam buku *Warisan (Daripada) Soeharto* (2008: 298), Soeharto mengungkapkan pandangannya mengenai media dan wartawan yang dianggap "mbingungkan rakyat" mengenai isu bahawa Soeharto telah mati:

"Wartawan, kata presiden, seharusnya terpacu untuk mengabdikan kepada bangsa dan negara yang sedang membangun. Pembangunan memerlukan ketenangan dan stabiliti nasional. "...jangan sampai menimbulkan keresahan, kerana keresahan harus ditiadakan..."

Jangan malah disorot di televisyen bolak-balik, ha-ha-ha,” kata Soeharto.

### **1.1.3. Kritik Media Terhadap Soeharto: Realiti dan Impak**

Takluknya media kepada Soeharto telah pula berlaku pada masa lalu sebelum peristiwa Malari (Malapetaka 15 Januari 1974). Pada masa itu media nasional dianggap memperkeruhkan suasana. Soeharto yang marah, menerusi Menteri Penerangan, memerintahkan supaya 11 akhbar ditutup. Bagi pemilik yang mahukan akhbarnya terbit semula harus menandatangani surat permintaan maaf kepada pemerintah. Akhbar *Kompas* adalah di antaranya. Jakob Oetama pada masa itu adalah Ketua Penyunting, kepada Lesmana berkata, *Kompas* lebih memilih sikap mengalah berbanding sama sekali tidak terbit. Impaknya jelas terlihat, *Kompas* yang sebelumnya sangat kritikal (*bulldog*) terhadap Soeharto berubah menjadi “juru bicara” pihak kerajaan.

Daripada kes ini, jelas terlihat bahawa media merasa perlu menyesuaikan dengan konteks sosial dan politik masa berkenaan agar boleh bertahan, walaupun dengan impak tertentu, berita-berita yang dihadirkan mengenai Soeharto cenderung lebih positif, lembut (*eufimistik*), dan bias. Untuk mengkritik keras kerajaan, selayaknya peran media sebenar, hampir tidak mungkin kerana impaknya akan menjejaskan media berkenaan.

Kecenderungan bahasa media yang menghaluskan makna kata atau bersifat eupimistik adalah impak daripada pemaksaan Soeharto terhadap penggunaan Bahasa Indonesia yang baik dan benar, iaitu berasaskan kesopanan,

penuh kesantunan, tidak boleh menyinggung. Menurut Benedict Anderson dalam Latif dan Ibrahim (1996: 36) kecenderungan eufimisme yang merasuki bahasa Indonesia rasmi, yang lazim dipakai sebagai bahasa kesopanan politik ini, maknanya sama dengan perlembagaan bahasa yang dipakai dalam kalangan bangsawan untuk mengelakkan dari realiti kekerasan. Menerusi bahasa, para pemimpin negara tidak hanya menyembunyikan atau menciptakan realiti, tetapi juga bersembunyi dari realiti dan perilaku yang sesungguhnya.

#### **1.1.4. *Kompas* dan Soeharto**

Menjelang Reformasi (antara tahun 1997 sehingga pertengahan 1998) berlaku banyak tunjuk perasaan besar-besaran di berbagai daerah di Indonesia, sehingga media mulai menunjukkan lakonnya sebagai katalisator revolusi. *Kompas* sebagai salah satu media cetak sangat berpengaruh di Indonesia mulai memberitakan sisi-sisi 'gelap' peribadi Soeharto dan pemerintahannya. Utamanya adalah mendedahkan isu kegagalan ekonomi-industri, media pada ketika itu mengungkapkan punca krisis ekonomi yang menyengsarakan rakyat Indonesia. Demikian pula dakwaan terhadap pengungkapan kes pelanggaran HAM muncul dalam pelbagai berita. Pendek kata, demi menyokong arus utama revolusi, media merepresentasikan Soeharto dan kerajaan terlihat negatif.

Fenomena yang menarik adalah semasa Soeharto meninggal dunia. Citra positif semula ada kepadanya, seolah-olah Soeharto tidak layak dipersalahkan. Sikap positif *Kompas* terhadap Soeharto terlihat jelas menerusi jumlah berita yang lebih dominan mencitrakan Soeharto secara lebih baik. Media kembali

menunjukkan “kelembutannya”. Bias berita seperti yang terlihat di masa Orde Baru kembali terlihat. Satu contoh adalah berita pada 29 Januari 2008 yang bertajuk *Rakyat Kecil Impikan Pemimpin Bersosok Soeharto*. Dari makna kata tajuk berita itu, boleh ditafsirkan bahawa *Kompas* mempunyai keinginan untuk merepresentasikan Soeharto secara positif. Atau dengan kata lain *Kompas* masih melihat adanya segi-segi positif Soeharto.

Cara media memberitakan Soeharto yang berbeza-beza seperti ini dikatakan bergantung kepada konteks sosial-sejarah Indonesia ataupun keadaan dunia pada masa berita dibuat. Selain itu, jika dilihat daripada pelbagai kemungkinan pertalian antara kuasa media dengan pihak berkuasa serta rakyat sebagai pembaca media. Demikian pula perlu diselidiki minda wartawan dan ahli media sebagai *gatekeeper* maklumat. Ketiga-tiga perkara itulah yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini menerusi metode Analisis Wacana Kritikal/*Critical Discourse Analysis* (AWK/CDA) untuk menunjukkan bagaimana dan mengapa akhbar *Kompas* dan *Media Indonesia* merepresentasikan kematian Soeharto di dalam berita.

## **1.2. Latar Belakang Penyelidikan**

Penyelidikan ini dilatarbelakangi usaha untuk menunjukkan realiti media sejatinya tidak selalu objektif dan netral. Objektifiti dan netraliti dalam pandangan studi media kritikal (*critical media studies*) tidak logik, kerana individu ataupun kumpulan tak dapat untuk bersikap objektif dan netral dalam memandangkan sesuatu. Manusia secara semulajadi ialah subjektif dalam menyelesaikan masalah

yang mana hal berkenaan mempunyai faktor-faktor kebiasaan, budaya, kekuasaan politik, sosiologikal, dan lain sebagainya. Oleh itu, nilai-nilai peribadi pelaku media (penyunting dan wartawan) dan pemilik media boleh mempengaruhi cara berita berkenaan dilaporkan. Sama ada kebijakan penguasa negara atau nilai-nilai pribadi pemangku kerajaan dapat mempengaruhi gaya laporan dalam sesebuah institusi media.

Dalam kes Indonesia, penyelidik fokus pada hal-hal apa, bagaimana, dan mengapa didapati perbezaan representasi Soeharto di media-media Indonesia, dari segi positif, negatif, dan kembali lagi positif, khasnya tentang peristiwa matinya Soeharto. Penyelidikan ini nantinya akan memperlihatkan realiti di balik teks media-media Indonesia dalam memandang politik dan kekuasaan, sama ada menunjukkan hubungan media, kapitalisme, atau perubahan hegemoni politik.

Memahami bagaimana sesungguhnya media membentuk wacana yang bias menerusi berita, boleh dirujuk kepada bagaimana masyarakat memandang media itu sendiri. Secara amnya, masyarakat melihat media berada pada posisi netral dan bebas daripada nilai dalam menyampaikan maklumat, sedangkan nilai dan ideologi wartawan berada di luar proses peliputan berita. Wartawan dinilai sebagai elemen media yang mampu menyingkirkan pendapat dan pandangan subjektifnya dalam berita. Ringkasnya, setiap berita yang disampaikan dan dibaca oleh khalayak adalah objektif, benar serta merupakan refleksi realiti di masyarakat. Sesungguhnya inilah arus utama (*mainstream*) minda masyarakat dan